



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
*The National University of Malaysia*

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 8/2023**

**PELAKSANAAN CAJ ANTARA JABATAN DAN VIREMEN MELALUI *i*FINANCE & ACCOUNTING SYSTEM (iFASt)**

**1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan pelaksanaan secara menyeluruh modul pelarasan peruntukan dalam sistem iFASt melalui capaian <https://appsmu.ukm.my/ifast> meliputi sub modul Caj Antara Jabatan dan sub modul Viremen bagi semua aktiviti pengenaan caj dan pindahan peruntukan.

**2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1. Kaedah semasa bagi proses Caj Antara Jabatan dan Viremen adalah secara manual dengan menggunakan borang di Sistem Pengurusan Dokumen (SPD) Universiti iaitu Borang Arahan Caj Antara Jabatan (UKM-SPKPPP-PT(P)02-BEN-AK10-BR01) dan Borang Permohonan Pindahan Peruntukan (UKM-SPKPPP-PP02-BR01)
- 2.2. Sub Modul Permohonan Caj Antara Jabatan dan Sub Modul Permohonan Viremen telah dibangunkan di sistem iFASt bertujuan untuk memudahkan Pusat Tanggungjawab (PTj) membuat permohonan secara dalam talian berbanding mengisi borang secara manual.
- 2.3. Sistem iFASt ini telah berintegrasi dengan Sistem Kewangan & Perakaunan Universiti (UFASt) di mana pelaksanaannya memberi kesan kepada peruntukan PTj.

**3.0 TAKRIFAN**

- 3.1. “**Caj Antara Jabatan**” bermaksud bayaran atau pelarasan peruntukan yang dikenakan oleh pemberi servis kepada jabatan dalam Universiti (penerima servis) bagi sesuatu perkhidmatan yang telah diberikan.

- 3.2. “**Pemberi Servis**” bermaksud PTj yang menawarkan perkhidmatan kepada PTj lain dan mengenakan caj perkhidmatan tersebut (hasil diterima). Contohnya PTj A mengenakan perkhidmatan analisis sampel kepada PTj B.
- 3.3. “**Penerima Servis**” bermaksud PTj yang menerima perkhidmatan dan menanggung kos perkhidmatan yang dikenakan kepadanya (Caj kepada). Contohnya PTj B menerima perkhidmatan analisis sampel dan membayar kepada PTj A.
- 3.4. “**Viremen**” bermaksud pindahan peruntukan bagi perbelanjaan mengurus/ hasil **tanpa emolumen** sahaja antara vot dan kod program dalam PTj yang sama.

#### 4.0 PELAKSANAAN

- 4.1. Tujuan pelaksanaan Sub Modul Caj Antara Jabatan dan Viremen melalui sistem iFAST adalah untuk:
  - a. Membolehkan proses permohonan Caj Antara Jabatan dan Viremen oleh PTj dapat dilaksanakan dengan lebih cepat.
  - b. Mengawal penggunaan peruntukan.
  - c. Mengelakkan daripada kesilapan caj/ viremen.
  - d. Mengurangkan risiko kehilangan dokumen
  - e. Memudahkan pelaporan disediakan
- 4.2. Berikut merupakan dokumen lampiran untuk rujukan dan pemahaman pihak PTj;
  - a. Lampiran A Tatacara Penggunaan Caj Antara Jabatan dan Viremen Melalui Sistem iFAST.
  - b. Lampiran B Carta alir bagi Proses Penggunaan Caj Antara Jabatan dan Viremen.
  - c. Lampiran C Manual Pengguna Proses Pelaksanaan Sub Modul Caj Antara Jabatan dan Sub Modul Viremen.

## **5.0 PEMATUHAN**

- 5.1. Sebarang permohonan Caj Antara Jabatan dan Viremen perlu dilaksanakan secara dalam talian menggunakan sistem iFASt bagi semua PTj di Universiti Kebangsaan Malaysia.
- 5.2. Sebarang perubahan kepada proses Caj Antara Jabatan dan Viremen perlu merujuk kepada dokumen Prosedur Pengurusan Belanjawan Universiti (UKM-SPKPPP-PP02) dan peraturan yang berkuatkuasa.

## **6.0 PENGUATKUASAAN**

Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh pekeling ini dikeluarkan.